

## JPT DINOBATKAN SEBAGAI JABATAN PALING KOMPETEN DALAM ACARA MESYUARAT & JAMUAN FPTP

1 Jun 2023, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP) telah mengadakan mesyuarat fakulti yang pertama untuk tahun 2023 dan mengadakan jamuan hari raya bagi semua staf FPTP. Bersempena dengan mesyuarat Fakulti, beberapa pembentangan oleh Dekan serta semua timbalan dekan telah diadakan.

Dalam majlis yang sama, Fakulti telah memberikan pelbagai anugerah diperingkat Jabatan serta individu. Antaranya ialah anugerah penulis cemerlang fakulti, anugerah jawatankuasa paling proaktif, jabatan paling kompeten

JPT telah memenangi anugerah Jabatan paling kompeten di bawah kepimpinan ketua jabatan JPT iaitu Dr Wan Nurul Karimah binti Wan Ahmad. Antara sumbangan utama jabatan untuk key performance indicator Fakulti ialah, pembangunan program baharu untuk mode 2u2i atau work-based learning (WBL) iaitu Sarjana Muda Pengurusan Logistik serta pelaksanaan program anjal iaitu Sarjana Muda Pengurusan Teknologi selain daripada program mobiliti pelajar (inbound dan outbound) dengan universiti luar negara dan dalam negara.

Moga JPT terus cemerlang bersama dengan stafnya untuk masa masa akan datang.

